

ANCAMAN DOULA

KEMATIAN seorang bayi perempuan dalam proses kelahiran di sebuah rumah di Pulai, Johor Bahru baru-baru ini menjadi isu 'panas' sehingga mencetuskan kontroversi dalam kalangan netizen di media sosial. Ramai mempersoalkan pasangan suami isteri terlibat, tidak kurang juga yang menyalahkan seorang doula (individu tanpa latihan perbidanan yang diupah bagi membantu ketika proses kelahiran), walaupun siasatan polis 12 Februari lalu membuktikan peneman kelahiran terbabit tidak mempunyai kaitan dengan kes tersebut.

Justeru, ikuti kupasan wartawan S2, ASHRIO FAHMY AHMAD dan MOHAMMAD AL FAIZAL ABDUL KARIM berhubung peranan, kesan dan risiko ibu mengandung yang menggunakan khidmat doula.

Sebar ideologi menyimpang

MESKIPUN teknologi dunia perubatan kian berkembang maju abad ke-21 ini, namun masih ada kelompok yang mempersoal dan meragui prosedur serta perkhidmatan perubatan moden. Tidak ketinggalan segelintir ibu yang sanggup mengambil risiko dengan menggunakan khidmat doula untuk menyambut kelahiran bayi mereka tanpa kendalian khidmat doktor mahupun bidan terlatih dan bertauliah. Persoalannya, mengapa masih ada kelompok sedemikian di negara ini sedangkan secara logik akal

proses menyambut kelahiran bukan suatu perkara yang boleh diambil mudah kerana ia melibatkan soal nyawa.

Senario itu mungkin juga disebabkan terpengaruh dengan dakwah komuniti pengamal doula yang turut didakwa menyebarkan ideologi menyimpang termasuk menggunakan elemen agama demi mencetuskan propaganda agar ibu-ibu mengandung menjauhi rawatan dan khidmat di hospital. Perkara itu didedahkan



Pegawai Perubatan Karan Pusat Latihan Rekrut Tentara Laut Diraja Malaysia (TLDM), Leftenan Kolonel Dr. Ruzayniah Razali (gambar) yang menjelaskan keadaan itu disebabkan wujud kelompok doula yang menyebarkan cerita tidak benar tentang

proses melahirkan anak di hospital. "Sebenarnya, peranan doula tidak lebih daripada sebagai peneman kepada ibu mengandung. Mereka tidak layak memberi cadangan atau nasihat dari segi perubatan, lebih-lebih lagi berkaitan cara

bersalin dan sebagainya. "Namun, terdapat doula di Malaysia yang dikawal pasti membawa fahaman sesat sehingga mempengaruhi ibu-ibu bersalin di rumah tanpa pengawasan individu bertauliah. Keadaan ini amat dikhawatirkan kerana proses kelahiran itu sendiri ada risiko," katanya. Ruzayniah yang juga ahli Medical Myhbusters Malaysia turut menegaskan pergerakan segelintir doula di negara ini tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan. Justeru, jelasnya, segala program dikelolakan mereka tidak mendapat pengesahan atau kebenaran daripada pihak

berkuasa, namun berbeza di luar negara khidmat doula dikawal dari segi perundangan mereka. "Paling berbahaya adalah menggunakan khidmat doula ketika proses melahirkan bayi semula-mula, sebagai contoh memilih untuk melahirkan anak di rumah. "Di Malaysia, tiada undang-undang yang memantau pergerakan doula. Maka, mereka sesuka hati menganjurkan kursus atau program secara bebas. "Saya bersama ahli Medical Myhbusters Malaysia memandang serius isu ini dan kami akan secara berterusan berusaha menyekat pergerakan

doula yang membawa fahaman sesat," ujarnya. Tambahnya, selain bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan, kami juga mengantar surat rasmi kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar untuk mendapatkan perhatian baginda berkaitan isu terbabit. "Sehubungan itu, Ruzayniah memohonkan ibu mengandung agar berbincang dengan doktor dan pakar di hospital kerajaan atau swasta berkaitan kandungan atau proses melahirkan dan tidak sewenang-wenangnya memilih melahirkan di rumah tanpa pengawasan individu bertauliah.

SETIAP ibu mengandung perlu mendapatkan khidmat perbidan daripada doktor pakar atau bidan bertauliah untuk menjamin keselamatan mereka dan bayi ketika proses kelahiran.



Sikap idealis punca ibu pilih doula

SIKAP terlalu idealis, cerewet dan memandang rendah terhadap sistem rawatan dan perubatan moden dikesan menjadi faktor ibu mengandung memilih alternatif untuk melahirkan anak mereka sendiri menggunakan khidmat doula. Lebih mengejutkan, ada di antara ibu terbabit terditi dalam kalangan berpendidikan tinggi, namun merasakan mereka lebih arif dan bijak berhubung dunia perubatan setelah menelaah maklumat daripada internet dan

media sosial. Menurut Pakar Perunding Kanan Obstetrik dan Ginekologi (O&G), Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM), Prof. Madya Dr. Nur Azura Abd. Ghani (gambar) beliau pernah didatangi pasangan yang sudah mempunyai rancangan dan pelan melahirkan anak sepenuhnya dengan menggunakan khidmat doula.



"Saya sendiri tidak pasti daripada mana mereka mendapat idea sedemikian, seperti tidak mahu sebarang campur tangan jururawat dan doktor ketika proses bersalin kecuali jika berlaku komplikasi. "Sikap pesakit yang seolah-olah lebih 'pandai' ini ibarat khidmat pegawai perubatan tidak efisien dan lebih berisiko," katanya.

Sambil memberi contoh, Nur Azura memaklumkan, ada wanita yang sudah melahirkan anak secara pembedahan (caesar) sebanyak dua kali tidak dibenarkan untuk bersalin secara normal buat kali ketiga kerana rahim berisiko untuk pecah yang boleh membawa maut. "Apabila tidak lagi berpeluang melahirkan anak secara normal lalu timbul rasa tidak puas hati, ambil keputusan lahir anak cara sendiri. Ini amat berbahaya," tegasnya.

Elak nyawa bayi, ibu melayang

PENGUNAAN khidmat doula untuk melahirkan anak di rumah tanpa kendalian pakar atau individu terlatih dan bertauliah bukan sahaja mengundang komplikasi dan kematian terhadap bayi malah ibu terlibat. Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah menegaskan, lebih

membimbangkan apabila ibu-ibu mengandung yang memilih untuk bersalin di rumah terpengaruh dengan ideologi pro-natural birthing atau gentle birthing yang digerakkan individu atau kumpulan dikenali sebagai doula. "Jika tiada pilihan dan perlu melahirkan anak di rumah, kehadiran anggota perubatan

terlatih amat kritikal termasuk kes risiko rendah supaya anggota tersebut dapat memberi bantuan kecemasan jika berlakunya sebarang komplikasi terhadap bayi dan ibu. "Sepanjang tahun 2017, Johor sahaja mencatatkan 58 kes didaftarkan sebagai kelahiran tidak selamat dan lima daripadanya

merupakan kejadian kelahiran di rumah yang ada berkaitan doula," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini. Pada 4 Februari lalu, seorang bayi meninggal dunia kerana sesak nafas setelah kepala tersangkut akibat proses kelahiran songsang di rumah di Johor Bahru.

Penjara atau denda jika abai kandungan

MANA-MANA ibu yang mengabaikan kandungan sehingga mengakibatkan kematian bayi mereka boleh dikenakan tindakan penjara maksimum sehingga 10 tahun atau denda. Pakar Undang-Undang Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak, Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal berkata, undang-undang tersebut termaktub di bawah Seksyen 316 Kanun Keseksamaan bagi kesalahan menyebabkan kematian anak yang bersifat dan belum lahir. "Justeru, ibu yang mengandung mesti memikul tanggungjawab memastikan anak dilahirkan dengan

selamat. Itu adalah tuntutan yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang tersebut," katanya. Sehubungan itu, Noor Aziah menasihatkan ibu agar tidak sewenang-wenangnya membuat keputusan untuk melahirkan secara semula jadi. Katanya, tindakan itu mengundang risiko tinggi terhadap keselamatan bayi atau diri sendiri. "Mereka sebenarnya mengambil risiko besar jika tidak membuat pemeriksaan di hospital dan tidak mendapatkan nasihat doktor pakar tentang cara bersalin yang paling sesuai," ujarnya.



NOOR AZIAH MOHD. AWAL